



**MESYUARAT AGUNG 2018
PERSATUAN PENDUDUK RINI HILLS 2.**

MINIT MESYUARAT

Tarikh : 28/9/2018
 Masa : 9:00 malam
 Tempat : Padang Permainan Rini Hills 2, Taman Mutiara Rini
 Kehadiran : Ahli-ahli & AJK Persatuan Penduduk, Rini Hills 2

Senarai AJK:

1	Dr. Syihan bin Khalid	Pengerusi
2	Leong Man Soon	Timbalan Pengerusi
3	Oh Guan Teck	Bendahari
4	Omar bin Jusoh	Setiausaha
5	Mazlan bin Musni	Pen. Setiausaha
6	Syaril Nizam bin Omar	Pen. Bendahari
7	Kent Wong	Ahli Jawatankuasa (AJK)
8	Ramli bin Ahmad	AJK
9	Mohd Hisham bin Mohd Noor	AJK (Jasa 29)
10	Zahidi Yusof	AJK (Jasa 30)
11	Mustafa bin Muhamad	AJK (Jasa 31)
12	Dr. Zair Asrar bin Ahmad	AJK (Jasa 32)
13	Mohd Tarmidi bin Samat	AJK (Jasa 33)
14	Yaacob bin Md Said	AJK (Jasa 34)
15	Chin Terk Chin	AJK (Jasa 35)

Kehadiran Ahli-ahli:

1	Jalan Jasa 29	5 Ahli
2	Jalan Jasa 30	6 Ahli
3	Jalan Jasa 31	7 Ahli
4	Jalan Jasa 32	4 Ahli
5	Jalan Jasa 33	6 Ahli
6	Jalan Jasa 34	5 Ahli
7	Jalan Jasa 35	3 Ahli

Wakil Penyedia Kawalan Keselamatan:

1	Mr Christopher Kee	Magnus Force Sdn Bhd
---	--------------------	----------------------

Bil	Butiran Mesyuarat	Tindakan/ Makluman
1.	<p>Ucapan Pengerusi Persatuan Penduduk Rini Hills 2 - Dr Mohd Syihan Khalid</p> <p>1.1 Pengerusi mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua penduduk yang hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Penduduk Rini Hills 2 (PPRH2) bagi tahun 2018 (AGM2018).</p> <p>1.2 Pengerusi menzahirkan rasa dukacita terhadap sambutan yang kurang terhadap AGM2018. Jumlah kehadiran ahli-ahli sekadar mencukupi untuk AGM2018 diteruskan.</p> <p>1.3 Pengerusi mencadangkan minit AGM2017 diteliti dan disahkan sekiranya tiada apa-apa perubahan. Tuan haji Bahrum, No 56 Jasa 33 menyokong minit AGM2017 disahkan tanpa perubahan.</p> <p>1.4 Agenda AGM2018 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pembentangan Penyata Kewangan Persatuan bagi Tahun 2017. ii. Usul terhadap penambahan-baik SOP keluar masuk pelawat ke RH2. iii. Perkara-perkara berbangkit 	<p>Aluan</p> <p>Makluman</p> <p>Semua Ahli</p> <p>Semua Ahli</p>
2.	<p>Pembentangan Penyata Kewangan Tahun 2017.</p> <p>2.1 Penolong Bendahari, En Zaki telah membentangi penyata kewangan PPRH2 bagi Tahun 2017 sebagaimana yang telah diedarkan kepada ahli-ahli. Penyata kewangan ini telahpun disahkan oleh Bendahari, Mr Oh Guan Tek.</p> <p>2.2 Pengerusi turut memaklumkan akaun RH2 diaudit oleh Juruaudit yang sama iaitu NSY Tax & Accounting Services.</p> <p>2.3 Mr James, Jasa 31 mencadangkan Penyata Kewangan 2017 yang dibentangi dalam keadaan baik dan disahkan benar. Cadangan ini disokong sebulat suara oleh ahli-ahli mesyuarat.</p>	<p>Semua Ahli</p> <p>Makluman</p> <p>Semua Ahli</p>
3.	<p>Usul Terhadap Penambah-baik SOP Keluar Masuk Pelawat ke RH2.</p> <p>3.1 Pengerusi mencadangkan SOP keluar masuk pelawat ke RH2 dipertingkatkan.</p> <p>3.2 Pengerusi mencadangkan, penambah-baik SOP seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Sebelum pelawat dibenarkan masuk, Guard bertugas perlu membuat panggilan pengesahan daripada residen terlebih dahulu. b) Penggunaan aplikasi Graaab Jaga (GJ) bagi menguruskan sistem kemasukan pelawat. Sistem ini akan digunakan oleh semua ahli berdaftar menerusi smartphone masing-masing. Pihak GJ akan memberi demonstrasi kemudian. c) Bagi pelawat selepas jam 12:00 tengah malam, Magnus Force akan menyediakan seorang guard untuk mengiringi pelawat ke rumah yang dituju. <p>3.3 Cadangan-cadangan di atas telah disokong oleh En Norhadi, Jasa 31.</p>	<p>Semua Ahli</p> <p>Semua Ahli /AJK</p>

		Semua Ahli
4.	<p>Perkara-Perkara Berbangkit.</p> <p>4.1 En Hadi, Jasa 31 mengutarakan masalah kenderaan berat parking di dalam kawasan RH2 dan Masalah kerb jalan yang dinaikkan secara tidak sah. AJK memaklumkan, perkara itu akan diberi perhatian.</p> <p>4.2 En Hashim, Jasa 32, mengutarakan masalah anjing berkeliaran. Beliau mencadangkan satu surat terbuka diberikan kepada semua pemilik anjing. AJK ambil maklum masalah ini untuk tindakan MBIP.</p> <p>4.3 Mr James, Jasa 31, mengadu ada pelawat yang menghantar anak ke Tadika tidak mengambil pas pelawat. Pengerusi menerangkan pihak Tadika ada membayar pas khas tahunan untuk ibubapa yang terlibat.</p> <p>4.4 Mr Chen, Jasa 34, mencadangkan agar disediakan recycle bins di tempat yang bersesuaian. AJK ambil maklum cadangan tersebut.</p> <p>4.5 En Zaidun, Jasa 30, bertanyakan jumlah ahli yang membayar fi bulanan. Pengerusi memaklumkan, lebih daripada 90% residen RH2 telah menjadi ahli dan membayar secara tetap.</p> <p>4.6 En Fizal, Jasa 31, mengutarakan agar usaha dipertingkatkan untuk menarik residen yang belum menjadi ahli untuk mendaftar.</p>	<p>AJK</p> <p>AJK</p> <p>Makluman</p> <p>AJK</p> <p>Makluman</p> <p>Semua Ahli /AJK</p>
5	<p>Penangguhan mesyuarat</p> <p>Pengerusi mencadangkan agar AGM2018 ditangguhkan, disokong sebulat suara. AGM2018 ditangguhkan pada pukul 11:15 malam. AGM seterusnya akan diadakan pada tahun 2019.</p>	Semua Ahli

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

.....
(OMAR BIN JUSOH)

Setiusaha

Persatuan Penduduk Rini Hills 2

.....
(DR MOHD SYIHAN BIN KHALID)

Pengerusi

Persatuan Penduduk Rini Hills 2